

Ruj. Kami : ANM.PK.P/P.600-/1/1/2JLD.4(59)
Tarikh : 15 April 2022

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr/Tuan/Puan,

MAKLUMAN BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2022

Dengan hormatnya merujuk kepada surat Jabatan Perkhidmatan Awam, JPA.800-3/2/1(41) bertarikh 11 April 2022 - Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2022, surat Kementerian Kewangan Malaysia, MOF.DS(S)600-40/3/3(35) bertarikh 12 April 2022 – Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri *Contract For Service* Tahun 2022 dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2022 – Peraturan Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2022 berkenaan perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) tahun 2022 berjumlah RM500.00** akan dibayar kepada pegawai-pegawai yang layak tertakluk kepada surat Jabatan Perkhidmatan Awam dan dibayar bersekali dengan bayaran emolumen bulan April iaitu pada **25 April 2022 (Isnin)**. Sehubungan dengan itu, semua Pusat Pembayar Gaji (PP) hendaklah memastikan perkara di bawah diambil tindakan sewajarnya:

- i. Penyata Perubahan (Kew.8) disediakan di peringkat jabatan masing-masing;
- ii. JANM Negeri Perak telah memproses bayaran BKKA ini dan telah mengeluarkan nama pegawai yang tidak layak berdasarkan maklumbalas yang diterima dari PP. Walaubagaimanapun, PP hendaklah menyemak Laporan *Payroll Master Listing (PML)* dan Penyata Gaji bulan April 2022. Jika berlaku juga pembayaran kepada pegawai yang tidak layak menerima BKKA tahun 2022, tindakan mengutip semua amaun yang telah dibayar oleh PP perlu dibuat dengan segera secara kaedah berikut:
 - a) Tindakan pemotongan secara sekaligus hendaklah diambil bagi bayaran emolumen bulan berikutnya bagi pegawai yang masih berkhidmat. Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku/ dipinjam / tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/Gred Khas adalah tidak layak dibayar BKKA;
 - b) Kutipan tunai hendaklah dibuat bagi pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 25 April 2022;
 - c) Kutipan tunai hendaklah dibuat bagi pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dan pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 25 April 2022; dan
 - d) Kutipan tunai hendaklah dibuat bagi pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan berkanun Yang Diasingkan Saraan.

3. Walaubagaimanapun, bagi **pembayaran melalui Arahan Pembayaran (Kew. 330E)**, berikut adalah **Peraturan Pembayaran BKKA 2022 yang perlu dipatuhi oleh Jab/PTJ/PP**:

- i. Menyediakan Arahan Pembayaran (Kew.330E), jenis dokumen - Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (K2) beserta Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8) dan dokumen sokongan yang lain;
- ii. Memastikan pegawai awam yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (Kew. 330E) menerima bayaran pada 25 April 2022; dan
- iii. PTJ hendaklah memastikan tiada keciciran dalam pembayaran kepada pegawai awam yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (Kew. 330E).

4. Kod urus niaga yang perlu digunakan bagi BKKA 2022 adalah seperti berikut:

Kod Elaun (Payroll)	Kod Akaun	Perihal Kod
1072	B0117102	Bantuan Khas Kewangan Kakitangan Awam
1072	B0117202	Bantuan Khas Kewangan Pasukan Keselamatan
1072	B0229306	Pemberian Khas Pekerja Sementara atau Sambilan atau Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap

5. Bersama-sama ini dilampirkan surat Jabatan Perkhidmatan Awam, surat Kementerian Kewangan Malaysia dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia untuk rujukan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr/Tuan/Puan.

6. Komitmen dan kerjasama PP diperlukan dalam mematuhi arahan ini bagi memastikan pembayaran dapat diproses mengikut tempoh yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**